



01 FEB, 2025

## Peka terhadap barangan elektrik boleh selamat nyawa

Utusan Malaysia, Malaysia



# Peka terhadap barangan elektrik boleh selamat nyawa

**PENGGUNA** perlu berhati-hati ketika membeli atau menggunakan peralatan elektrik. Ini kerana ia bukan barang mainan, jadi perlu memberi sepenuh perhatian terhadap keselamatan kerana boleh menjadi membunuh, jika tidak berhati-hati.

Kerana itu, banyak kali ditegaskan hanya membeli produk elektrik yang diperkaui SIRIM Berhad atau piawaian antarabangsa lain. Ini bagi menjamin keselamatan, kualiti dan pematuhan undang-undang.

Ingat lagi kes remaja meninggal dunia akibat renjatan elektrik di dalam bas ketika mengecas telefon bimbit? Inilah mengapa label SIRIM itu penting. SIRIM menetapkan piawaian keselamatan, mengurangkan risiko kebakaran, kejutan dan kerosakan kerana produk yang diperkaui agensi itu menjalani

ujian ketat untuk memastikan prestasi yang lebih baik dan tahan lama.

Jadi, bermula hari ini, periksa label sebelum membeli barangan elektrik, bukan hanya sekadar memilih yang murah. Dapatkan maklumat lanjut daripada jurujual.

Setelah menggunakan sesuatu produk itu, sentiasa pastikan keadaannya sama ada perlu servis atau ada bahagian rosak yang perlu diganti. Jika boleh, alat seperti penghawa dingin biarlah dipasang oleh pihak yang bertauliah.

Peka terhadap hal-hal ini boleh menyelamatkan anda dan keluarga.

**BULBIR SINGH**Bekas Presiden Persatuan Pengguna  
Negri Sembilan